

Gaya Bahasa Al-Tawkid daripada Perspektif Nahu dan Balāghah Arab

Abstract

Artikel ini membincangkan secara naratif deskriptif elemen al-Tawkid dan peranannya dalam bahasa dan primasastera Arab. Perbincangan tentang al-Tawkid bukan sahaja terhad pada perbincangan dalam ilmu nahu Arab, bahkan merentasi sosiobudaya bangsa Arab itu sendiri yang dijelmakan melalui kewibawaan retorik (balghah) dan sasteranya (adab). Fungsi dan implikasi al-Tawkid dalam bahasa dan budaya Arab telah menempatkan gaya bahasa (uslb) tersebut pada kelasnya yang tersendiri. Hasil perbincangan dalam artikel ini mendapati bahawa bahasa dan budaya Arab bukan sahaja memerihalkan al-Tawkid dalam wacana seharian, tetapi juga menggarap aura keintelektualan dan kecekalan peribadi bangsa Arab di persada kelestarian fizik dan linguistik. Lihat sahaja bagaimana mereka mengungkapkan ketegasan dalam menanggapi sesuatu yang menjadi impian atau tujahan dalam kehidupan seharian; bukan sahaja menerusi tatabahasa al-Tawkid al-Lafiiyy atau al-Ma'nawiiyy semata, malah menjangkau elemen-elemen nahu yang lain seperti al-Qasam (sumpah), al-Maf'l al-Mulaq (akusatif melampau), arf al-Zaman (kedudukan masa), al-Nid' (panggilan), al-Badal (gantian), al-Naat (adjektif) dan sebagainya. Demikian juga apabila ditelusuri khazanah sastera yang tersimpan pelbagai jalur dan galur primasastera Arab yang amat menarik dan mengagumkan; antaranya ialah penggunaan gaya bahasa al-Tawkid dalam ungkapanungkapan sasterawan Arab seperti al-Mublaghah (kepalingan), al-Inb (penghuraian), al-Taqdm wa al-Ta'khr dan sebagainya. Justeru, itulah sebabnya mengapa al-Quran al-Karim yang kaya dengan mesej penegasan dan peneguhan tentang ayat-ayat Allah SWT menggunakan gaya bahasa al-Tawkid versi bahasa dan budaya Arab tersebut yang sekali gus mengangkat martabatnya ke tempat yang paling mulia di dunia dan akhirat.